


Bab 8 Garis dan Sudut

Padamkan langkah-langkah bagi soalan dibawah

1. Bina **tembereng garis AB** dengan panjang 10 cm dengan menggunakan jangka lukis dan pembaris sahaja.

Langkah 1

Lukis garis dan tandakan titik A.




Langkah 2

Ukur jarak 8 cm pada jangka lukis.



Langkah 3

Dari titik A, dengan jarak 8 cm ada jangka lukis, tandakan titik B pada garis lurus.




2. Bina pembahagi dua sama serenjang bagi tembereng garis PQ dengan menggunakan jangka lukis dan pembaris sahaja.




Langkah 1

Buka jangka lukis supaya bukaannya lebih daripada separuh panjang PQ




Langkah 2

Bina dua lengkok dari P, satu atas PQ dan satu bawah PQ.




Langkah 3

Tanpa mengubah bukaan jangka lukis, bina dua lengkok dari Q, satu atas PQ dan satu bawah PQ.



Langkah 4

Lukis garis yang menyambungkan titik persilangan lengkok yang dibina dalam Langkah 2 dan 3




3. Dengan menggunakan jangka lukis dan pembaris sahaja, bina **garis serenjang kepada PQ dan melalui titik M .**


• M




Langkah 1
Dengan bukaan jangka lukis yang sama dari M , bina dua lengkok pada PQ dari M . Label dua titik itu sebagai R dan S .




Langkah 2
Dengan bukaan jangka lukis yang sama dari R dan S , bina lengkok masing-masing dari R dan S supaya dua lengkok itu bersilang



Langkah 3
Lukis garis yang menyambungkan M dengan titik persilangan dua lengkok itu.




4. Dengan menggunakan jangka lukis dan pembaris sahaja, bina **garis serenjang kepada PQ dan melalui titik N .**




Langkah 1

Dengan bukaan jangka lukis yang sama, bina dua lengkok pada PQ dari N . Label dua titik itu sebagai R dan S .




Langkah 2

Besarkan bukaan jangka lukis melebihi NR atau NS , dengan bukaan yang sama dari R dan S , bina dua lengkok masing-masing di atas dan di bawah PQ supaya dua lengkok itu bersilang.



Langkah 3

Lukis garis yang menyambungkan N dengan dua titik persilangan yang dibina dalam Langkah 2.



5. Dengan menggunakan jangka lukis dan pembaris sahaja, bina garis yang selari dengan PQ dan melalui titik R .

R



Langkah 1

Dengan bukaan jangka lukis yang sama dengan jarak PR , bina satu lengkok melalui R dari P .

Langkah 2

Kekalkan bukaan jangka lukis, bina satu lengkok dari Q .

Langkah 3

Dengan bukaan jangka lukis yang sama dengan jarak PQ , bina satu lengkok dari R yang bersilang dengan lengkok yang dibina dalam Langkah 2.

Langkah 4

Lukis garis yang menyambungkan R dengan titik persilangan yang dibina dalam Langkah 3.

